

# Ada pihak cemburu, kata Mahathir

KUALA LUMPUR, Jumaat — Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau akan terus mempertahankan dirinya daripada pihak yang cuba menjatuhkannya dengan menyebarkan khabar angin.

Menurutnya, beliau sedar ada pihak yang menggunakan pelbagai cara untuk menjatuhkannya, tetapi akan terus mempertahankan diri.

"Sudah lama ramai orang hendak menjatuhkan saya. Kalau sampai masanya saya jatuh, saya jatuhlah.

"Tetapi kalau belum sampai masanya, saya tidak akan jatuh. Mereka boleh terus serang, tetapi saya akan terus mempertahankan diri saya," katanya.

Perdana Menteri berkata demikian ketika mengulas khabar angin yang menyatakan beliau sakit ketika diwawancara oleh Radio Televisyen Malaysia (RTM) malam tadi.

Beliau berkata, ada pihak yang berkepentingan di negara asing mahu memburukkan keadaan dalam negara ini dengan menyebarkan khabar angin mengenai dirinya kerana iri hati Malaysia diakui sebagai sebuah negara yang mencapai kejayaan dalam hampir semua bidang.

Beliau berkata, mereka iri hati kerana negara kita berjaya menyatupadukan kaum dan mempunyai kedudukan ekonomi dan kewangan yang baik.

Sebagai contoh, kata beliau, dalam usaha kerajaan mengindahkan Kuala Lumpur, ada saja orang yang akan menyatakan bahawa ia ada keburukannya.

"Orang yang semacam itu kita tidak boleh buat apa-apa, kerana tabiat dia sudah ma-

cam itu. Orang macam ini tidak pernah nampak benda yang baik langsung kerana dia mencari yang buruk saja," katanya.

Beliau juga berkata khabar angin itu mungkin ditimbulkan oleh mereka yang 'berjudi' dalam bursa saham dan berbuat demikian untuk mendapat keuntungan daripada jual beli saham.

Ketika diminta pandangannya mengenai khabar-khabar angin itu, beliau berkata: "Saya tidak tahulah apa hendak kata. Barangkali boleh tanya musuh saya."

"Umpamanya ada orang yang walaupun tidak sakit, dia kata sakit juga. Orang ini nampaknya lebih pandai daripada doktor.

"Tetapi pada pendapat saya, yang memiliki tubuh badan ini, saya berasa sihat dan boleh buat kerja macam orang

lain juga," kata Perdana Menteri.

Datuk Seri Dr Mahathir juga berkata Bumiputera perlu membetulkan kelemahan yang ada pada mereka jika mahu melihat dasar ekonomi selepas 1990 akan memberi kesan kepada mereka.

Menurutnya, jika mereka tidak sanggup berbuat demikian, apa saja dasar yang diperkenalkan tidak akan membawa sebarang kesan.

Beliau juga berkata, Bumiputera tidak harus kluat dengan ketiadaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) tetapi perlu memberikan kerjasama kerana tanpanya dasar itu tidak berkesan.

"Ya memerlukan kerjasama semua pihak - Bumiputera, bukan Bumiputera dan kerajaan," katanya.

Menurut Perdana Menteri, yang penting dan harus diutamakan adalah untuk mengisi dasar itu dan tidak membiarkan kerajaan saja yang memikul beban dan bertindak melaksanakannya.

Perdana Menteri berkata unsur-unsur serampang dua mata yang ada di dalam DEB, iaitu membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat akan dikekalkan.

"Pendirian kerajaan adalah untuk berusaha membentuk satu masyarakat yang lebih seimbang di samping meneruskan usaha membasmi kemiskinan. Objektif ini tidak berubah, yang berubah mungkin pendekatannya," kata Datuk Seri Dr Mahathir.

Beliau berkata, sebahagian daripada kaedah di dalam DEB yang tidak berkesan akan digugurkan dan membentuk pendekatan baru.

● **TEKS WAWANCARA  
DI MUKA 4**